



# Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

## IKLAN JAWATAN KOSONG PEKERJA SAMBILAN HARIAN (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011)

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia (Keutamaan akan diberikan kepada Rakyat DYMM Sultan Selangor)** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN BAGI SEMUA JAWATAN:-

Calon bagi lantikan hendaklah memilik kelayakan seperti berikut:-

- Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

BIL	JAWATAN/GRED	TARAF JAWATAN	PENEMPATAN/ BIL. KEKOSONGAN	
1.	Pembantu Tadbir (P/O) N19	Pekerja Sambilan Harian (PSH)	Ibu Pejabat	2
			JPS Daerah Sabak Bernam	1
2.	Pembantu Awam H11	Pekerja Sambilan Harian (PSH)	JPS Daerah Kuala Langat	2
			JPS Daerah Kuala Selangor	5
			JPS Daerah Sabak Bernam	8

<b>TARIKH IKLAN DIKELUARKAN</b>	8 OGOS 2017 (SELASA)
<b>TARIKH IKLAN TUTUP</b>	16 OGOS 2017 (RABU)
<b>MASA AKHIR PENERIMAAN BORANG</b>	3.00 PETANG

<b>1. NAMA JAWATAN</b>	:	PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	PELAKSANA
<b>TARAF JAWATAN</b>	:	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
<b>KADAR UPAH</b>	:	RM54.00 sehari

**SYARAT LANTIKAN:**

Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
dan
- d) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan .

**SYARAT TAMBAHAN:**

- a) Calon mempunyai pengetahuan pengendalian komputer dan perisian ICT (Microsoft Word, Excel, Powerpoint dan Publisher);
- b) Mempunyai lesen kenderaan;
- c) Sihat tubuh badan; dan
- d) Mampu berdikari dan bekerja tanpa penyeliaan berterusan.

<b>2. NAMA JAWATAN</b>	:	PEMBANTU AWAM GRED H11
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	PELAKSANA
<b>TARAF JAWATAN</b>	:	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
<b>KADAR UPAH</b>	:	RM54.00 sehari

**SYARAT LANTIKAN:**

Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia
- b) Lelaki
- c) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
dan
- e) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

**SYARAT TAMBAHAN:**

- a) Boleh bekerja pada cuti mingguan/ cuti kelepasan am dan di luar waktu pejabat;
- b) Mempunyai lesen kenderaan;
- c) Sihat tubuh badan; dan
- d) Mampu berdikari dan bekerja tanpa penyeliaan berterusan.

**CARA MEMOHON:-**

- a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang JPS.SEL.03/2/29-PSH. Borang boleh didapati di Ibu Pejabat JPS Negeri Selangor atau di JPS Daerah Kuala Langat/ Kuala Selangor/ Sabak Bernam. Borang permohonan juga boleh dimuat turun di laman web JPS Negeri Selangor iaitu [water.selangor.gov.my](http://water.selangor.gov.my)
- b) Penetapan pelantikan pegawai Perkhidmatan Awam di pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
- i. Pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
  - ii. Ibu atau Bapa pemohon lahir di Negeri Selangor
  - iii. Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun.
- c) Semua permohonan hendaklah lengkap dengan maklumat berikut: -
- i. Salinan Kad Pengenalan pemohon;
  - ii. Sekeping gambar terbaru berukuran passport
  - iii. Salinan Sijil Kelahiran pemohon;
  - iv. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
  - v. Salinan lesen memandu
- d) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti dibawah menggunakan sampul saiz 23cm X 10cm. :-
- PENGARAH  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR  
TINGKAT 5, BLOK PODIUM SELATAN  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40626 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
(U/P: BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**
- e) Sampul surat hendaklah ditulis **nama jawatan & penempatan** yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.
- f) Tarikh tutup sebelum atau pada 16 Ogos 2017 (Rabu).

**CATATAN AM:-**

- a) Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:-
  - i- Tidak menggunakan Borang JPS.SEL.03/2/29-PSH
  - ii- Borang Permohonan yang tidak ditandatangani
  - iii- Borang Permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak jelas
  - iv- Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan
  - v- Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
  - vi- Salinan sijil-sijil tidak diakui sah
  - vii- Gambar passport tidak disertakan
  - viii- Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan
  
- b) Tempoh perkhidmatan adalah tidak melebihi 3 bulan. Permohonan terbuka kepada semua yang layak kecuali mereka yang sedang berkhidmat secara sepenuh masa samada di sektor awam atau swasta.
  
- c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak Berjaya.